



## **DASAR PEMBANGUNAN PELAJAR: KERANGKA PERANCANGAN STRATEGIK MODEL HUSSEIN GLOBAL**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **1.0 PENGENALAN**

Pembangunan pelajar yang holistik, berminda keusahawanan dan seimbang dalam bidang akademik dan kokurikulum dapat dibentuk melalui pelaksanaan Model Hussein Global. Universiti bertanggungjawab menyediakan ekosistem pembangunan pelajar yang menyeluruh bagi menghasilkan graduan yang bertaraf global, mempunyai daya tahan yang tinggi dan cekal menghadapi segala rintangan, inovatif dan kreatif dalam menyelesaikan masalah, menjunjung tinggi nilai amanah dan integriti serta bijak menghargai bakat diri, sekaligus memenuhi kehendak pasaran kerja bagi mencapai sasaran kebolehpasaran graduan.

### **2.0 DEFINISI KERANGKA PERANCANGAN STRATEGIK MODEL HUSSEIN GLOBAL**

Kerangka Perancangan Strategik Model Hussein Global merupakan satu pelan strategik program pembangunan pelajar yang berteraskan Model Hussein UTHM yang telah ditetapkan merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Pelan Strategik 2021-2025 UTHM di bawah Strategi Transformasi UTHM, Fungsi 1: UTHM Edu-Train. Ianya merupakan satu pelan yang digunakan sebagai dasar pelaksanaan program pembangunan pelajar yang berdasarkan nilai teras G R I T T iaitu Global (*Global*), Cekal (*Resilience*), Inovatif (*Innovative*), Amanah (*Trustworthy*) dan Bakat (*Talent*).

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1. Mewujudkan ekosistem pembangunan pelajar UTHM yang jelas melalui dasar, garis panduan, dan kerangka kerja pelaksanaan program atau inisiatif pembangunan pelajar yang melibatkan semua pihak berkepentingan.
- 3.2. Membentuk pelajar yang holistik, berminda keusahawanan dan seimbang dalam bidang akademik dan kurikulum yang mempunyai nilai GRITT sepanjang tempoh pengajian pelajar di UTHM berdasarkan kepada prinsip paradigma tauhid.
- 3.3. Memastikan Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) dan Key Performance Indicator (KPI) Universiti dicapai seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik 2021-2025 UTHM.

### **4.0 TAFSIRAN**

Dalam Dasar ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

**“Kementerian”** ertinya kementerian yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengajian tinggi;

**“PBP”** ertinya Pusat Pembangunan Pelajar;

**“PHEP”** ertinya Pejabat Hal Ehwal Pelajar;

**“PKKA”** ertinya Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni;

**“PRP”** ertinya Pusat Perumahan Pelajar;

**“PTJ”** ertinya pusat tanggungjawab;

**“PTJ HEPA”** ertinya pusat tanggungjawab di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni;

**“PTU”** ertinya Pusat Teknousahawan Universiti;

**“TD HEPA”** ertinya Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); dan

**“Universiti”** ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau UTHM.

### **5.0 CADANGAN STRATEGI PELAKSANAAN DASAR:**

## **5.1 TERAS 1: MELAHIRKAN JAGUH KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA**

- 5.1.1 Menyediakan platform mengenalpasti bakat pelajar semasa untuk dipupuk dan digilap menjadi jaguh kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.1.1 PBP dengan kerjasama TD HEPA fakulti bertanggungjawab menyelaras dan mengumpul data bakat pelajar semasa, dan kemudian menyerahkan data tersebut kepada PTj HEPA yang berkaitan.
- 5.1.1.2 PTj HEPA yang menerima data bakat pelajar adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan program pemerkasaan bakat pelajar yang berpotensi untuk dipupuk dan digilap menjadi jaguh kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.1.3 PTj HEPA yang melaksanakan program pemerkasaan bakat boleh melantik jurulatih dalam atau luar untuk melatih pelajar yang berpotensi menjadi jaguh kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.2 Menyediakan platform kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam program yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.2.1 PBP bertanggungjawab menyediakan platform yang mengandungi butiran program yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.2.2 Platform yang disediakan boleh dicapai oleh semua PTj HEPA bagi memasukkan atau mengemaskini butiran program yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan portfolio PTJ.
- 5.1.2.3 Platform yang disediakan boleh dicapai oleh semua pelajar bagi membolehkan pelajar melibatkan diri dalam program bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.3 Mengenalpasti penglibatan pelajar atau menganjurkan program/aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang bersesuaian dengan portfolio PTj HEPA bagi melahirkan jaguh kebangsaan dan antarabangsa.

- 5.1.3.1 Fakulti dan PTj HEPA perlu merekodkan data butiran pelajar, program dan pencapaian pelajar (individu dan kumpulan) yang diangkat sebagai jaguh kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.1.3.2 PBP bertanggungjawab mencerap data jaguh kebangsaan dan antarabangsa bagi pencapaian individu dan berkumpulan disetiap fakulti dan PTj HEPA.
- 5.1.4 Memberi penghargaan kepada pelajar yang mewakili UTHM atau yang memberikan kejayaan kepada UTHM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa samada melalui pertandingan, persidangan, atau program-program lain yang berkaitan.
- 5.1.4.1 Penghargaan yang diberikan adalah berbentuk poster penghargaan, artikel berita, Majlis Apresiasi dan Majlis Anugerah Inspirasi Mahasiswa.
- 5.1.4.2 Majlis Apresiasi boleh dilaksanakan oleh setiap PTj HEPA mengikut keperluan. Manakala Majlis Anugerah Inspirasi Mahasiswa adalah diselaraskan oleh PBP.
- 5.1.5 Memberikan pengiktirafan kepada ikon pelajar berdasarkan pencapaian cemerlang dan tertinggi dalam bidang sukan, inovasi, kepimpinan, keusahawanan, nilai dan kesukarelawanan, bakat (seni dan intelektual) melalui Majlis Anugerah Inspirasi Mahasiswa secara tahunan.
- 5.1.6 Kaedah penilaian pencapaian jaguh kebangsaan dan antarabangsa adalah berdasarkan peringkat yang berjaya dicapai oleh pelajar iaitu sama ada ; mewakili UTHM, negeri, negara atau memenangi kedudukan sepuluh (10) terbaik pada peringkat antarabangsa. Pencapaian juga boleh dinilai berdasarkan pencapaian pingat seperti meraih pingat emas, perak, gangsa, atau anugerah khas.
- 5.1.7 Implikasi kewangan
- 5.1.7.1 Sumber kewangan bagi melantik jurulatih jaguh dalam atau luar yang merangkumi bayaran elau Jurulatih, pengangkutan dan penginapan adalah melalui Tabung Kewangan PTj atau Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) PHEP bergantung kepada peruntukan

kewangan dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

- 5.1.7.2 Sumber kewangan penganjuran Majlis Apresiasi dan Majlis Anugerah Inspirasi Mahasiswa yang merangkumi hadiah dan jamuan bagi meraikan jaguh dan ikon pelajar adalah melalui peruntukan menggunakan Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) PHEP. Walaubagaimanapun, kelayakan yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada peruntukan kewangan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 5.1.8 Selain itu, PBP digalakkan untuk mewujudkan tabung PBP sebagai sumber dana tambahan untuk pelaksanaan model “Hussein Global UTHM”.

## **5.2 TERAS 2: PENGLIBATAN DALAM PROGRAM BERIMPAK**

- 5.2.1 Program berimpak tinggi adalah program yang melahirkan graduan yang holistik, berminda keusahawanan dan seimbang dalam bidang akademik dan kokurikulum.
- 5.2.2 Program berimpak tinggi merangkumi program-program di bawah PTJ HEPA seperti karnival badan beruniform, bakat, kompetensi, inovasi, nilai dan kesukarelawan, kepimpinan, kesenian dan kebudayaan, kesukanan, keusahawanan dan mobilti tidak berkredit.
- 5.2.3 Program berimpak tinggi perlu mencapai sekurang-kurangnya TIGA (3) komponen penilaian iaitu sama ada mendapat penajaan luar; melibatkan organisasi atau agensi luar; mendapat pengiktirafan atau penganugerahan dan peringkat pelaksanaan program iaitu sama ada pada peringkat Universiti, komuniti setempat, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa).
- 5.2.3.1 Mendapatkan penajaan luar dalam menjalankan program berimpak tinggi sebagai salah satu komponen penting dan pemangkin pelaksanaan program. Bukti penajaan atau penjanaan perlu disertakan semasa permohonan penganjuran atau penyertaan program berimpak tinggi.

- 5.2.3.2 Melibatkan organisasi atau agensi luar sebagai penasihat, pengiring, ahli jawatankuasa atau ahli dalam menganjurkan program berimpak tinggi agar dapat melebarkan jaringan antara UTHM dan pihak luar serta meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.
- 5.2.3.3 Pelajar atau kelab / persatuan yang tercalon atau memperolehi pengiktirafan atau penganugerahan daripada sesuatu badan atau organisasi tertentu sebagai salah satu penghargaan terhadap program yang dijalankan atau disertai oleh pelajar.
- 5.2.3.4 Menyertai atau menjalankan program berimpak tinggi di peringkat universiti, komuniti setempat, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
- 5.2.4 Setiap program berimpak tinggi perlu dilaporkan ke PTj HEPA yang terlibat berserta pembuktian pencapaian TIGA (3) komponen yang dinyatakan pada perenggan 5.2.3 dan perlu diterbitkan di media bagi tujuan *visibility*.
- 5.2.5 Menyediakan platform kepada pelajar untuk melibatkan diri dan menganjurkan program yang berimpak tinggi dan memberi kesan yang positif kepada pelajar.
- 5.2.6 Mewujudkan rangkaian sistem sokongan berbentuk khidmat nasihat dan pangkalan data yang menyokong inisiatif ke arah penyertaan dan penganjuran program yang berimpak tinggi.
- 5.2.7 Penyelarasan program di peringkat kolej kediaman, fakulti/pusat, kelab, persatuan dan badan beruniform dengan pemantauan oleh PTJ HEPA yang terlibat.
- 5.2.8 Permohonan penganjuran program berimpak tinggi perlu dibuat mengikut garis panduan penganjuran program/aktiviti pelajar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 5.2.9 Setiap program berimpak tinggi yang dianjurkan perlu melaksanakan penilaian sebelum dan selepas program yang dijalankan kepada peserta atau pelajar yang menyertai. Penilaian perlu juga dinilai oleh PTj HEPA yang terlibat.
- 5.2.10 Implikasi kewangan untuk program berimpak tinggi perlu diselaraskan mengikut anggaran pecahan 20:80 di mana

sekurang-kurangnya 20% adalah daripada penajaan atau penjanaan dan selebihnya adalah daripada Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) melalui peruntukan kelab/persatuan.

- 5.2.11 Yuran penyertaan pelajar dalam program berimpak tinggi adalah daripada Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) PHEP melalui peruntukan kelab, persatuan, kolej dan fakulti/pusat berdasarkan kelayakan peruntukan semasa.

### **5.3 TERAS 3: GRADUAN KOMPETEN**

- 5.3.1 PBP, PKKA dan fakulti bertanggungjawab menyediakan platform kepada pelajar untuk memiliki sijil kompetensi dalaman/luar melalui kerjasama dengan penyedia latihan yang berauliah sama ada dari dalam atau luar Universiti.
- 5.3.2 Program pensijilan/kompetensi yang dianjurkan perlu memenuhi standard kebangsaan ATAU antarabangsa dan memenuhi keperluan semasa industri.
- 5.3.3 Setiap pelajar disasarkan untuk memiliki sekurang-kurangnya SATU (1) sijil kompetensi sebagai nilai tambah sebelum menamatkan pengajian.
- 5.3.4 Pelaksanaan program pensijilan/kompetensi adalah merujuk kepada Kerangka Pelan Strategik Hussein Global.
- 5.3.4.1 PBP bertanggungjawab menjalankan sekurang-kurangnya SATU (1) kursus kompetensi asas berbentuk literasi digital (*digital literacy*) kepada 25 % enrolmen pelajar baharu setiap tahun. Kadar ini akan ditingkatkan sebanyak 5 % setiap tahun sehingga tahun 2030.
- 5.3.4.2 Setiap fakulti bertanggungjawab dalam menjalankan kursus kompetensi dalaman/luar mengikut bidang yang melibatkan 5 % enrolmen pelajar di fakulti melalui program akademik. Kadar ini akan ditingkatkan sebanyak 1 % setiap tahun sehingga tahun 2030.
- 5.3.4.3 Penglibatan PKKA dalam menyediakan kursus kompetensi luar melalui dana daripada Kementerian kepada pelajar tahun akhir/graduan yang melibatkan 2

% enrolmen pelajar tahun akhir. Kadar ini akan ditingkatkan sebanyak 1 % setiap tahun sehingga tahun 2030. Permohonan penganjuran program pensijilan/kompetensi perlu dibuat mengikut garis panduan penganjuran program/aktiviti pelajar PHEP.

- 5.3.5 Pelaporan pelaksanaan/penyertaan pelajar dalam program pensijilan/kompetensi dalaman/luar akan diselaraskan oleh PBP sebagai pemegang data di peringkat Universiti. Penganjuran program pensijilan/kompetensi dalaman berbentuk literasi digital melibatkan pelajar-pelajar baharu semasa tahun 1 pengajian Sarjana Muda/Diploma diselaraskan oleh PBP.
- 5.3.5.1 Penganjuran program pensijilan/kompetensi di peringkat fakulti melibatkan keseluruhan pelajar fakulti pada mana-mana tahun pengajian yang bersesuaian pada peringkat Sarjana Muda/Diploma dengan memberi keutamaan kepada program pensijilan/kompetensi yang selari dengan bidang program akademik. Penganjuran program pensijilan/kompetensi adalah berdasarkan kelulusan Kementerian ke atas permohonan geran oleh Fakulti melalui PKKA.
- 5.3.6 Prestasi pencapaian pelajar perlu dinilai menggunakan instrumen yang bersesuaian mengikut program yang dijalankan.
- 5.3.7 Prestasi pencapaian pelajar perlu dilaporkan di dalam laporan akhir yang disediakan oleh penganjur latihan setelah tamat program mengikut format Laporan Akhir Penganjuran Aktiviti Pelajar UTHM.
- 5.3.7.1 Penilaian penguasaan pelajar terhadap literasi digital diukur melalui pencapaian pelajar sebelum dan selepas menduduki ujian kompetensi yang dijalankan pada setiap program pensijilan.
- 5.3.7.2 Penilaian pencapaian pelajar dalam program pensijilan/kompetensi pada peringkat fakulti dinilai melalui kaedah pencapaian objektif program atau menggunakan instrumen penilaian bersesuaian

sebelum dan selepas menghadiri program oleh penyedia latihan.

- 5.3.7.3 Penilaian pencapaian pelajar dalam program pensijilan/kompetensi luar menggunakan dana Kementerian adalah berdasarkan penilaian kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian.

5.3.8 Implikasi kewangan

- 5.3.8.1 Yuran penyertaan pelajar dalam program literasi digital adalah daripada Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) melalui peruntukan PBP, bergantung kepada peruntukan kewangan semasa dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Walaubagaimanapun, sebarang yuran ulangan untuk menduduki semula ujian program pensijilan/kompetensi bagi peserta yang gagal adalah di bawah tanggungan pelajar sepenuhnya.

- 5.3.8.2 Sumber kewangan bagi penganjuran atau yuran penyertaan pelajar dalam program pensijilan/kompetensi di peringkat Fakulti boleh melalui permohonan tajaan daripada pihak luar atau yuran komitmen pelajar selain boleh memohon peruntukan menggunakan Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) melalui peruntukan PBP. Walaubagaimanapun, kelayakan yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada peruntukan kewangan semasa dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Yuran penyertaan pelajar dalam program pensijilan/kompetensi luar dibayai sepenuhnya melalui dana Kementerian yang diselaraskan oleh PKKA.

#### **5.4 TERAS 4: PEMERKASAAN JATI DIRI BERASASKAN DNA GRITT**

- 5.4.1 Menyediakan modul program jati diri untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan elemen GRITT (*Global, Resilience, Innovative, Trustworthy dan Talent*).

- 5.4.1.1 PBP bertanggungjawab menjalankan program *Starting Intermediate Finishing School* (SIFS) yang terdiri

- daripada TIGA (3) modul utama kepada pelajar tahun 1 hingga tahun akhir.
- 5.4.1.2 PRP bertanggungjawab menjalankan program Jati Diri GRITT kepada pelajar tahun 1 di kolej kediaman.
- 5.4.1.3 Program Jati Diri GRITT akan dilaksanakan di 3 kluster kolej kediaman iaitu Kolej Kediaman Dalam Kampus, Kolej Kediaman Luar Kampus dan Kolej Kediaman Kampus Pagoh yang mana akan dikendalikan oleh fasilitator bagi setiap modul.
- 5.4.1.4 Setiap PTj HEPA bertanggungjawab dalam membantu menjalankan program yang seiring dengan modul SIFS dan GRITT.
- 5.4.1.5 PBP bertanggungjawab menyelaraskan jerayawara kepada PTJ bagi menerapkan elemen GRITT kepada pelajar, tenaga pengajar dan staf UTHM.
- 5.4.2 Menyediakan program yang mengandungi elemen nilai dan kesukarelawan kepada pelajar.
- 5.4.2.1 PBP bertanggungjawab menyelaras sekurang-kurangnya sepuluh (10) program “Nilai” dan sepuluh (10) program “Kesukarelawanan” setiap tahun melalui kelab/persatuan pelajar.
- 5.4.3 Pelaporan pelaksanaan/penyertaan pelajar dalam program SIFS dan Nilai serta Kesukarelawanan akan diselaraskan oleh PBP sebagai pemegang data pada peringkat Universiti. Manakala, pelaporan pelaksanaan/penyertaan pelajar dalam program Jati Diri GRITT akan diselaraskan oleh Pusat Perumahan Pelajar (PRP) sebagai pemegang data pada peringkat Universiti.
- 5.4.4 Kaedah penilaian program SIFS dan JATI DIRI GRITT adalah melalui maklum balas daripada pelajar dan fasilitator yang mana akan dibuat sebelum dan selepas program dan dipetakan untuk melihat keberkesanan program. Manakala kaedah penilaian bagi program Nilai dan Kesukarelawanan adalah melalui maklum balas pelajar selepas program selesai dijalankan.
- 5.4.5 Implikasi kewangan

5.4.5.1 Sumber kewangan bagi penganjuran program SIFS, dan GRITT yang merangkumi bayaran fasilitator, jamuan jawatankuasa pelaksana, dan cenderahati peserta program adalah melalui peruntukan menggunakan Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) PHEP. Walaubagaimanapun, kelayakan yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada peruntukan kewangan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

5.4.5.2 Sumber kewangan bagi penganjuran program Nilai dan Kesukarelawanan boleh melalui permohonan tajaan daripada pihak luar termasuk daripada Yayasan UTHM selain boleh memohon peruntukan menggunakan Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) PHEP melalui peruntukan PBP kelab/persatuan. Walaubagaimanapun, kelayakan yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada peruntukan kewangan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

## **5.5 TERAS 5: PEMBENTUKAN MINDA USAHAWAN**

- 5.5.1 Menganjurkan program yang berasaskan inovasi bagi memupuk minda kreatif dan inovasi dalam kalangan pelajar.
  - 5.5.1.1 Setiap kelab fakulti bertanggungjawab menganjurkan sekurang-kurangnya SATU (1) program berasaskan inovasi yang melibatkan pelajar di fakulti.
  - 5.5.1.2 PBP bertanggungjawab menyelaras sekurang-kurangnya SATU (1) program pertandingan inovasi dalam setahun.
- 5.5.2 Menganjurkan program berasaskan keusahawanan bagi membuka minda pelajar terhadap elemen keusahawanan.
  - 5.5.2.1 Setiap fakulti perlu menganjurkan sekurang-kurangnya SATU (1) program keusahawanan setiap tahun.

- 5.5.2.2 PBP bersama-sama PTU bertanggungjawab menyelaras sekurang-kurangnya SATU (1) program keusahawanan pada peringkat Universiti setiap tahun.
- 5.5.3 Penglibatan daripada industri dan komuniti setempat adalah diperlukan bagi membuka hubungan kerjasama dan pengalaman di dunia sebenar.
- 5.5.4 Pelaporan pelaksanaan/penyertaan pelajar dalam program minda usahawan akan diselaraskan oleh PBP sebagai pemegang data pada peringkat Universiti.
- 5.5.5 Kaedah penilaian program minda usahawan adalah melalui maklumbalas daripada peserta program yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah dengan menggunakan instrumen yang bersesuaian mengikut program yang dijalankan selepas program selesai.
- 5.5.6 Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) adalah bertanggungjawab menganjurkan Karnival HEPA atau dengan apa-apa jua nama ia disebut secara tahunan yang melibatkan kelab-kelab pelajar sebagai platform untuk bermula dan memperkasakan bakat pelajar.
- 5.5.7 Implikasi kewangan Permohonan penganjuran program adalah merujuk kepada garis panduan Penganjuran Aktiviti Pelajar, yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 5.5.7.1 Peruntukan kewangan untuk menganjurkan program adalah menggunakan Tabung Aktiviti Pelajar (TAP E15109) Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP). Walaubagaimanapun, kelayakan yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada peruntukan kewangan semasa dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

## **6.0 PENGECUALIAN**

Pengecualian kepada peruntukan dasar ini hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor.

## **7.0 PEMAKAIAN**

Dasar Pembangunan Pelajar: Kerangka Perancangan Strategik Model Hussein Global UTHM ini adalah terpakai di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sahaja.